

LAMPIRAN E.1

PERTUKARAN KEGUNAAN PREMIS-PREMIS KEDIAMAN KEPADA KEGUNAAN LAIN DI SEPANJANG JALAN AIR ITAM, JALAN TERENGGANU, GELUGOR DAN JALAN TANJONG TOKONG (JB. 1123/80)

- 1.0** Senarai berikut digunakan sebagai panduan sahaja untuk tiap-tiap kes penukaran kegunaan di sepanjang Jalan Air Itam (di antara Jalan York dan Jalan Terengganu), Jalan Terengganu (di antara Jalan P. Ramlee dan Jalan Air Itam), Gelugor (di antara bulatan dengan Jalan Mesjid Negeri & U.S.M.) dan Jalan Tanjong Tokong (di antara Bulatan Jalan Bagan Jermal dan Jalan Tanjong Tokong Lama):

Kategori A

Kegunaan yang mungkin bolehlah dianggap sesuai di dalam kawasan kediaman yang sedang mengalami perubahan-perubahan dari segi bentuk dan kegunaan-kegunaannya:

- (i) Pejabat-pejabat kecil.
- (ii) Tadika dan Taman Asuhan Kanak-kanak.
- (iii) Kedai penyewa perakam video.
- (iv) Kedai runcit.
- (v) Kedai kerinting rambut wanita.
- (vi) Kedai jahitan.
- (vii) Klinik-klinik.
- (viii) Bilik pameran (tidak termasuk bilik pameran dan membaiki kenderaan).
- (ix) Rumah Rawatan Orang-orang Tua.
- (x) Pusat-pusat pendidikan dan tuisyen.
- (xi) Studio gambarfoto.

Kategori B

Kegunaan yang dianggap tidak sesuai di dalam kawasan kediaman:

- (i) Garaj-garaj (termasuk membaiki kereta/motosikal).
- (ii) Bengkel-bengkel (termasuk bengkel, kilang papan, dll.)
- (iii) Kilang-kilang.
- (iv) Penjual/pengedar kereta/motosikal baru atau terpakai (termasuk pusat menjaga kereta yang mempunyai perkhidmatan menservis kenderaan).
- (v) Stor dan depo.
- (vi) Bar, restoran dan kedai makan/kopi (termasuk 'lounge music').
- (vii) Rumah urut dan kedai gunting rambut yang digunakan sebagai rumah urut.
- (viii) Tokong-tokong.
- (ix) Klinik-klinik haiwan.
- (x) Kedai perabot dan empat nombor ekor.
- (xi) Menyimpan dan menjual gas petroleum cecair (LPG).

- (xii) Kedai-kedai yang menjual barang-barang pasaran mentah (tidak termasuk bahan makanan yang diproses dan disejukkan).
- (xiii) Kedai-kedai menjual arang atau kayu api.
- (xiv) Perniagaan-perniagaan yang mengganggu dan merbahaya.

2.0 Untuk sebarang permohonan yang tertentu walaupun terletak dalam **Kategori A** atau **Kategori B** fakta-fakta berikut hendaklah juga dipertimbangkan:

- (i) Samada bantahan daripada jiran-jiran atau orang ramai.
- (ii) Samada bantahan daripada jabatan-jabatan teknik dari segi trafik, kacau ganggu, masalah alam sekitar dan sebab-sebab yang tertentu.
- (iii) Samada kawasan-kawasan berkenaan telah disediakan dengan kemudahan-kemudahan yang dipohonkan.
- (iv) Samada kawasan-kawasan berkenaan adalah kawasan kediaman baru atau patut dikekalkan untuk tujuan kediaman sahaja. Dalam kawasan tersebut, pertukaran kegunaan tidak harus dibenarkan.
- (v) Samada kawasan-kawasan berkenaan telah menjadi kawasan peralihan seperti Jalan Datuk Keramat, Jalan Batu Lancang, Jalan Tanjong Tokong, Jalan Air Itam, dsb. Dalam kawasan ini pertimbangan lebih 'liberal' boleh diberi.
- (vi) Luasnya penggunaan, kesesuaian dan sepadan dengan penggunaan yang dicadangkan mestilah diberi pertimbangan yang sewajarnya.
- (vii) Dalam kawasan kediaman yang utama, di mana kebenaran telah diberi untuk menukar penggunaan, kawalan yang lebih ketat mesti diadakan bagi saiz, warna dan di mana papan tanda dan papan nama itu ditempatkan serta untuk mengekalkan corak sifat kediaman.

Jawatankuasa juga mengambil ingatan akan pemerhatian yang dibuat oleh Encik Khaw Thean Soo bahawa penukaran kegunaan premis-premis kediaman kepada lain hendaklah juga dibenarkan untuk sepanjang Jalan Terengganu di antara Jalan P. Ramlee dan Jalan Free School.

DILULUSKAN PADA 03.09.1987